



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	PRINSIP EKONOMI
KOD KURSUS	:	DPI2093
PEPERIKSAAN	:	OKTOBER 2015
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (25 Markah)
BAHAGIAN B (35 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B. Jawab **DUA (2)** soalan dari BAHAGIAN C .
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Graf
 - iii. Borang Jawapan Objektif
 - iv. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 15 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A


Bahagian ini mempunyai DUA PULUH LIMA (25) soalan. Jawab semua soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Barang percuma ialah
 - a. Barang awam yang disediakan secara percuma
 - b. Barang yang penawarannya tidak terhad
 - c. Barang yang kos lepas adalah sifar
 - d. Barang yang jumlah utilitinya adalah sifar

2. Ciri yang membezakan barang percuma dengan barang ekonomi ialah
 - a. Kos lepas barang percuma ialah sifar
 - b. Barang percuma disediakan oleh kerajaan
 - c. Barang percuma tidak memberi kepuasan kepada pengguna
 - d. Barang percuma merupakan anugerah alam semulajadi

3. Antara berikut, yang manakah andaian yang sesuai dalam menjelaskan konsep Keluk Kemungkinan Pengeluaran;
 - i. Dalam ekonomi diandaikan hanya terdapat satu jenis sahaja yang dikeluarkan
 - ii. Ekonomi telah mencapai tahap gunatenag penuh
 - iii. Sumber adalah tetap
 - iv. Tingkat teknologi adalah berubah-ubah
 - a. i sahaja
 - b. i dan ii sahaja
 - c. ii dan iii sahaja
 - d. ii, iii dan iv sahaja


4. Rajah di bawah menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) AB yang berbentuk cembung ke titik asalan.



Pernyataan yang manakah adalah **BENAR** tentang rajah di atas

- Kos lepas mengeluarkan barang x malar apabila lebih banyak barang y dikeluarkan
 - Kos lepas mengeluarkan barang x semakin berkurang apabila lebih banyak barang y dikeluarkan
 - Kos lepas mengeluarkan barang y semakin bertambah apabila lebih banyak barang y dikeluarkan
 - Kos lepas mengeluarkan barang Y semakin bertambah apabila lebih banyak barang X dikeluarkan
5. Dalam sistem ekonomi campuran pengeluaran barang ditentukan oleh
- Sektor awam dan sektor swasta
 - Isi rumah dan firma
 - Kuasa besar pengguna
 - Kerajaan pusat dan agensi-agensi kerajaan
6. Secara prinsip, kelebihan ekonomi perancangan pusat ialah
- Barang yang dikeluarkan dapat memenuhi permintaan pengguna
 - Pengeluaran barang yang dijalankan secara kecil-kecilan
 - Keputusan ekonomi dibuat berdasarkan faedah sosial dan kos sosial
 - Persaingan yang sihat menggalakkan kemajuan teknologi

7. Gambarajah di bawah menunjukkan pergerakan keluk permintaan untuk suatu keluaran dari D_1 ke D_2 .




Pergerakan keluk permintaan ini menggambarkan

- Kenaikan harga barang itu
 - Perlaksanaan GST oleh kerajaan
 - Pertambahan pendapatan pengguna kaya
 - Pembangunan barang-barang pengganti yang baru
8. Antara pernyataan berikut, yang manakah tidak akan mengalihkan keluk permintaan bagi kereta?
- Kejatuhan harga kereta
 - Kenaikan harga besi waja
 - Kenaikan harga petrol
 - Kenaikan pendapatan
9. Keluk penawaran mencerun ke atas dari kiri ke kanan kerana
- Hukum utiliti sut yang semakin berkurang
 - Untung yang lebih tinggi menyebabkan harga semakin meningkat
 - Kesan penggantian dan kesan pendapatan
 - Insentif untung yang lebih tinggi mendorong pengeluar menambahkan pengeluaran

10. Menurut hukum permintaan, pengguna yang rasional akan
- Menambahkan permintaan apabila harga turun
 - Mengurangkan permintaan apabila harga naik
 - Mengurangkan kuantiti diminta apabila harga naik
 - Menambahkan kuantiti diminta apabila harga naik
11. Keanjalan pendapatan bagi permintaan barang-barang mewah ialah
- Kurang daripada satu
 - Kurang daripada kosong
 - Lebih daripada satu
 - Lebih daripada kosong
12. Jika permintaan terhadap sesuatu barang itu anjal tidak sempurna, ini bermakna barang itu
- Tidak dibeli dengan harga yang sama
 - Tetap dibeli walaupun harga naik
 - Tidak dibeli apabila harga naik
 - Dibeli dengan kuantiti yang lebih kecil apabila harga naik
13. Di dalam keseimbangan pasaran, apakah yang akan berlaku apabila keluk penawaran beralih ke kiri?

	Harga	Kuantiti
a.	Naik	Naik
b.	Naik	Turun
c.	Turun	Turun
d.	Turun	Naik

Soalan 14 hingga soalan 16 berdasarkan gambarajah di bawah.



Rajah menunjukkan D_0 dan S_0 masing-masing ialah keluk permintaan dan keluk penawaran. Keluk S_0 beralih ke S_1 apabila kerajaan mengenakan cukai.

14. Berapakah cukai per unit yang dikenakan oleh kerajaan terhadap barang itu?

- a. RM 5
- b. RM 6
- c. RM 7
- d. RM 10

15. Berapakah beban cukai yang ditanggung oleh pengeluar?

- a. RM 30
- b. RM 35
- c. RM 40
- d. RM 45

16. Berapakah beban cukai yang ditanggung oleh pengguna

- a. RM 20
- b. RM 30
- c. RM 40
- d. RM 50

17. Apabila kerajaan menetapkan harga maksimum untuk sesuatu barang, maka
- Harga jualan pengeluar lebih tinggi daripada harga keseimbangan dan lebih penawaran berlaku
 - Harga jualan pengeluar lebih tinggi daripada harga keseimbangan dan lebih permintaan berlaku
 - Harga jualan pengeluar lebih rendah daripada harga keseimbangan dan lebih penawaran berlaku
 - Harga jualan pengeluar lebih rendah daripada harga keseimbangan dan lebih penawaran berlaku
18. Perubahan taraf hidup sesebuah negara sebaik-baiknya digambarkan melalui pertumbuhan
- Pendapatan per kapita benar penduduk
 - Jumlah pendapatan negara
 - Pendapatan wang penduduk
 - Pendapatan semua penduduk yang bekerja
19. Data yang diberi (semuanya dalam juta RM) adalah berkaitan dengan ekonomi sesebuah negara.

Butir	RM (Juta)
Eksport	8
Perbelanjaan semasa kerajaan	9
Import	10
Pembentukan modal kasar dlm negeri	7
Penggunaan	12
Pendapatan bersih dari luar negara	3
Subsidi	2

Keluaran Negara Kasar pada kos faktor ialah

- RM 33 juta
- RM 31 juta
- RM 24 juta
- RM 29 juta

20. Semua berikut dihitung dalam Keluaran Negara Kasar Malaysia **KECUALI**

- a. Pembayaran gaji kepada guru
- b. Pembayaran gaji oleh seorang pengusaha kraftangan kepada para pekerjanya
- c. Gaji rakyat asing yang bekerja di Malaysia
- d. Gaji rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura

21. Keluaran Negara Kasar = Keluaran Dalam Negara Kasar + X

Daripada persamaan di atas, X adalah tepat sekali digantikan dengan;

- a. Pendapatan faktor-faktor pengeluaran yang diperolehi oleh warganegara dari negara lain
- b. Pendapatan faktor-faktor pengeluaran milik penduduk negara lain yang digunakan di dalam negara tersebut
- c. Pendapatan faktor bersih dari luar negeri
- d. Eksport bersih

22. Bank perdagangan mempunyai fungsi-fungsi yang tersendiri iaitu;

- i. Menerima simpanan atau deposit
 - ii. Memberi pinjaman
 - iii. Mencetak wang kertas bagi pihak kerajaan
 - iv. Menyediakan kemudahan pembayaran
- a. i dan ii sahaja
 - b. ii dan iii sahaja
 - c. i, ii dan iii sahaja
 - d. i, ii dan iv sahaja

23. M1 terdiri daripada

- a. Wang syiling dan wang kertas
- b. Wang syiling dan wang dan deposit semasa
- c. Wang fiat dan deposit tabungan bank perdagangan
- d. Wang fiat, deposit tetap bank perdagangan dan sijil BNM

24.

Sukatan dan timbangan yang digunakan adalah dalam bentuk Meter (m), Gram (g), Kilogram (kg), Mililiter (ml), Sentimeter (cm) dan sebagainya.

Sistem pengiraan ini di namakan sebagai;

- a. Sistem imperial
- b. Sistem metrik
- c. Sistem *barter*
- d. Sistem *Keynes*

25.

Cukai import kereta ialah 50%, bermakna cukai yang mesti dibayar ialah 50% daripada harga kereta.

Jenis halangan perdagangan ini dinamakan sebagai

- a. Tariff ad-volerem
- b. Tariff spesifik
- c. Subsidi eksport dan geran
- d. Lesen pengimportan

(25 markah)

BAHAGIAN B

Soalan ini mengandungi EMPAT (4) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Jadual di bawah menunjukkan Kemungkinan Keluaran Pengeluaran Beras dan Gula bagi sesebuah negara.

Kombinasi	Beras (kg)	Gula (kg)
A	0	7500
B	1500	6000
C	3000	4500
D	4500	3000
E	6000	1500
F	7500	0

Berdasarkan jadual di atas;

a. Lukiskan Keluk Kemungkinan Pengeluaran Beras dan Gula.

(3 markah)

b. Hitung;

i. Kos lepas 3000 kg Beras.

(1 markah)

ii. Kos lepas 4500 kg Gula.

(1 markah)

SOALAN 2

Jadual di bawah menunjukkan kuantiti diminta (Q_d) dan kuantiti ditawarkan (Q_s) suatu keluaran pertanian pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM/Unit)	Kuantiti diminta (Q_d)	Kuantiti ditawarkan (Q_s)
1	90	40
2	85	45
3	80	50
4	75	55
5	70	60
6	65	65
7	60	70
8	55	75

Berdasarkan jadual di atas:

- a. Kirakan keanjalan permintaan harga apabila harga meningkat dari RM2 kepada RM4. Nyatakan jenis keanjalan permintaan harga tersebut.
(2 markah)
- b. Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk permintaan dan keluk penawaran.
(3 markah)
- c. Berapakah harga dan output keseimbangan hasil pertanian itu.
(1 markah)
- d. Sekiranya perubahan permintaan telah bertambah sebanyak 5 unit bagi setiap tingkat harga, sedangkan keluk penawaran tidak berubah.
 - i. Lukiskan keluk permintaan yang baru pada graf yang sama.
(2 markah)
 - ii. Tentukan harga dan kuantiti keseimbangan yang baru.
(2 markah)

SOALAN 3

Jadual di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sesebuah negara.

Butiran	RM bilion
Kewangan, insurans dan harta tanah	45 160
Pendapatan faktor bersih dari luar negeri	250
Bayaran perkhidmatan bank	25 900
Cukai import	4 216
Perlombongan dan kuari	18 719
Pembuatan	9 725
Cukai tak langsung	4 000
Susutnilai	1 673
Perbelanjaan kerajaan	5 000
Elektrik, gas dan air	11 879
Perbankan dan pelancongan	3 656
Sewa	1 200
Subsidi	3 500
Pertanian	3 120

Berdasarkan jadual di atas, hitungkan;

- Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasar ($KDNK_{hp}$) (2 markah)
- Keluaran Dalam Negara Kasar pada kos faktor ($KDNK_{kf}$) (2 markah)
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor (KNK_{kf}) (2 markah)
- Keluaran Negara Bersih (2 markah)
- Berikan **DUA (2)** masalah dalam pengiraan pendapatan negara. (2 markah)

SOALAN 4

Data di bawah menunjukkan penawaran wang di Malaysia pada tahun 2011;

Butiran	RM (Juta)
Wang kertas	42 131
Simpanan di BIMB	33 422
Sijil-sijil boleh runding	35 989
Sijil-sijil Bank Negara Malaysia	41 253
Deposit tetap dan deposit simpanan di bank komersial	26 098
Deposit semasa di bank komersial	11 874
Deposit tetap dan simpanan di lain-lain institusi kewangan	16 209

a. Jika wang fiat ialah RM63,123, berapakah nilai wang syiling?

(2 markah)

b. Kirakan:

i. M1

(2 markah)

ii. M2

(2 markah)

iii. M3

(2 markah)

c. Kirakan "wang hampir" (wang kuasi)?

(2 markah)

BAHAGIAN C

Soalan ini mengandungi EMPAT (4) soalan. Jawab DUA (2) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Nyatakan DUA (2) sumber di dalam ekonomi?
(2 markah)
- b. Apakah yang dimaksudkan dengan tanah dan buruh. Sertakan contoh.
(4 markah)
- c. Dengan bantuan gambarajah, terangkan konsep kekurangan, kos lepas dan pilihan.
(8 markah)
- d. Jelaskan tentang ekonomi Islam.
(6 markah)

SOALAN 2

- a. Berpandukan gambarajah, bezakan antara perubahan di dalam kuantiti diminta dan perubahan di dalam permintaan.
(6 markah)
- b. Dengan bantuan gambarajah, huraikan bagaimana perubahan berikut mempengaruhi keluk permintaan *Kurma*, apabila berlakunya peningkatan harga terhadap *kurma*.
(4 markah)
- c. Bezakan antara keluk permintaan anjal dan tidak anjal.
(4 markah)

- d. Berpandukan rajah, terangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan untuk beralih ke kiri dan ke kanan.

(6 markah)

SOALAN 3

- a. Berdasarkan gambarajah, Apakah yang dimaksudkan dengan lebih permintaan?

(3 markah)

- b. Berpandukan gambarajah, terangkan tentang konsep pendapatan negara.

(7 markah)

- c. Huraikan **TIGA (3)** kegunaan pendapatan negara.

(6 markah)

- d. Senaraikan **EMPAT (4)** ciri-ciri wang.

(4 markah)

SOALAN 4

- a. Apakah maksud wang fiat dan wang sah?

(4 markah)

- b. Jelaskan **TIGA (3)** hukum atau prinsip yang diamalkan oleh Institusi kewangan Islam.

(6 markah)

- c. Senaraikan **TIGA (3)** faktor kewujudan perdagangan antarabangsa.

(3 markah)

- d. Huraikan sebab-sebab halangan perdagangan diwujudkan?

(7 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT